

Saujana Utama dilanda banjir kilat

Ada kawasan perumahan dinaiki air sehingga paras lutut

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM – Hujan lebat petang semalam menyebabkan beberapa lokasi di negeri ini dilanda banjir kilat.

Taman Seri Alam, Pristana dan Saujana Utama di kawasan Sungai Buloh antara kawasan yang dinaiki air.

Turut berlaku runtuh pada lereng di Bukit Saujana namun keadaannya masih terkawal.

Ahli Majlis Kuala Selangor, Maskor Tumiran berkata, banjir kilat berlaku sekitar jam 5.30 petang selepas air melimpah ke kawasan perumahan penduduk setinggi paras lutut.

“Segelintir penduduk tidak sempat mengalihkan kenderaan kerana air naik begitu cepat.

“Sehingga jam 7 petang, air masih belum surut namun tiada penduduk yang dipindahkan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bestari Jaya, Sahidallah Osman berkata, pihaknya dimaklumkan kejadian itu lewat petang semalam oleh polis.

“Sekumpulan anggota bomba kita bergegas ke lokasi untuk pemantauan, namun tiada mangsa yang dipindahkan.

“Kejadian banjir kilat di lokasi berkenaan adalah kali pertama, namun begitu kita akan terus memantau bagi memastikan keselamatan penduduk serta menghulurkan bantuan yang diperlukan,” katanya.

Difahamkan terdapat penduduk di kawasan terlibat mengambil inisiatif dengan berpindah ke kawasan yang selamat kerana kluatir keselamatan mereka.

Sementara itu, berdasarkan laporan Bomba Selangor sehingga jam 6 petang semalam, sembilan lokasi dikenal pasti dinaiki air dan antaranya adalah Lorong Gajah 13, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh; Kampung Bukit Cherakah, Jalan Bistari 3 dan 5, Kampung Aman, Puchong.

Penolong Pengarah Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, seramai 15 keluarga dipindahkan ke balai raya selepas kediaman mereka di Kampung Chinchang dinaiki air setinggi tiga kaki.

“Bagaimanapun di kawasan lain keadaannya masih terkawal,” katanya.

Sebahagian penduduk terpaksa meredah air yang naik mendadak untuk keluar dari rumah mereka dan berpindah ke tempat lebih selamat.

Lereng runtuh di Bukit Saujana selepas hujan lebat, semalam.

Hampir keseluruhan kawasan perumahan Taman Seri Alam dinaiki air sehingga ke paras lutut selepas hujan lebat, semalam.

Hujan lebat turut menyebabkan berlaku runtuh tebing berdekatan kawasan perumahan.

Penduduk terpaksa meredah air yang naik mendadak untuk keluar ke kawasan yang selamat.

Penduduk di Taman Seri Alam terpaksa menolak kenderaan mereka yang terperangkap akibat air naik mendadak.